

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM
KAWASAN : BANDAR TUN RAZAK
TARIKH : 2 OGOS 2017
NO. SOALAN : 90

YB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pendirian dan pelan tindakan terperinci Kerajaan Persekutuan untuk menghadapi isu dan realiti perdagangan dan pelaburan antarabangsa abad ke- 21 bagi Malaysia terutama dalam konteks rantau Asia-Pasifik berikutan penarikan diri Amerika Syarikat dari TPPA.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Dalam abad ke-21 ini, tidak dinafikan bahawa Malaysia dan dunia berhadapan dengan realiti di mana landskap persekitaran ekonomi, perdagangan dan antarabangsa menjadi semakin mencabar. Faktor ini termasuk ketidaktentuan dan kelembapan ekonomi dunia, agregat permintaan yang lemah, harga komoditi yang rendah dan dasar-dasar ekonomi yang tidak menentu serta sentimen perlindungan (dengan izin, protectionism) terutamanya dari beberapa negara membangun.

Sungguhpun prospek persekitaran luaran akan terus mencabar, ekonomi Malaysia kekal kukuh dan berkembang 4.2 peratus pada tahun 2016. Bank Negara Malaysia menjangkakan ekonomi Malaysia akan terus mencatat pertumbuhan yang mampan di antara 4.3-4.8 peratus pada tahun 2017. Malah, Bank Dunia melalui laporan "*Malaysia Economic Monitor June 2017*" meramalkan ekonomi negara akan berkembang kepada 4.9 peratus pada tahun ini.

Kerajaan Malaysia terus menggiatkan usaha untuk memastikan kepentingan ekonomi negara terjamin di masa hadapan. Peralihan hala tuju dasar oleh segilintir negara dunia seperti pengunduran Amerika Syarikat (A.S.) dari Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) tidak akan melemahkan ekonomi Malaysia, malah akan membuka peluang-peluang baru dalam mengukuhkan hubungan ekonomi dengan negara-negara serantau, dan juga hubungan dua hala.

Antara inisiatif untuk membuka lebih banyak pasaran dan memperkasakan rantaian dan integrasi ekonomi negara dengan dunia adalah:

- (i) Mengeratkan integrasi ekonomi di bawah Komuniti Ekonomi ASEAN (*ASEAN Economic Community - AEC*);
- (ii) Memuktamadkan rundingan Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) antara ASEAN dengan enam (6) negara iaitu China, India, Korea, Australia, New Zealand dan Jepun;
- (iii) Meneruskan rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreement – FTA*) dengan Kesatuan Eropah (*European Union*), *European Free Trade Association (EFTA)* yang meliputi negara-negara Iceland, Liechtenstein, Norway dan Switzerland; serta ASEAN-Hong Kong;
- (iv) Mempertimbangkan rundingan FTA dua hala dengan empat

pasaran baru di bawah TPPA yang mana Malaysia masih belum mempunyai sebarang perjanjian iaitu A.S., Kanada, Mexico dan Peru; dan

- (v) Mengadakan FTA dengan negara berpotensi seperti Iran dan Sri Lanka.

Tuan Yang DiPertua,

Tidak cukup dengan usaha tersebut, Malaysia juga akan mengambil pendekatan strategik dalam mengukuhkan prestasi perdagangan negara iaitu melalui:

- (i) Penekanan terhadap eksport bernilai tinggi seperti barangan elektrik dan elektronik, mesin dan kelengkapan, minyak sawit, dan memperluaskan penembusan di pasaran pertumbuhan tinggi seperti A.S., China, Jepun, United Kingdom, ASEAN, Asia Selatan, Amerika Latin, dan Asia Barat;
- (ii) Penglibatan sektor awam dan swasta bagi memastikan keberkesanan strategi perdagangan melalui kerjasama *Public Private-Partnership*;
- (iii) Peningkatan penyumberan produk dan perkhidmatan Malaysia dengan kerjasama pelabur Malaysia di luar negara dan pelabur asing di Malaysia;
- (iv) Memberi penekanan kepada pelaburan bagi menggalakkan eksport negara terutamanya dalam sektor elektrikal dan elektronik, bahan kimia dan peranti perubatan; dan
- (v) Memberi fokus kepada agenda penggantian import (*import substitution*).

Kerajaan juga akan terus memantapkan prestasi pelaburan dengan memanfaatkan reputasi Malaysia sebagai salah satu destinasi utama

pelaburan dunia. Pelaburan tempatan akan disasarkan sebagai pemacu utama pelaburan negara melalui peruntukan tambahan sebanyak RM1 bilion bagi Dana Strategik Pelaburan Tempatan untuk tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Dana ini bertujuan mempercepatkan peralihan syarikat-syarikat domestik kepada industri yang bernilai ditambah tinggi (*high value added*), berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan dan berasaskan inovasi.

Rantai bekalan juga akan dibangunkan dengan melengkapkan hubungan rantai industri sama ada industri hulu sedia ada mahupun industri hiliran yang baru dengan menganjurkan persidangan pembekal-pembekal industri (*suppliers' conferences*) dan program-program pembangunan vendor. Usaha-usaha ini dapat membantu pelabur-pelabur asing untuk mengenal pasti rakan perniagaan melalui *business matching*, untuk projek usaha sama (*joint-venture projects*), atau untuk melaksanakan pengilangan kontrak.

Pada masa yang sama, Kerajaan akan menggiatkan promosi perdagangan dan pelaburan dengan negara-negara termasuk dari rantau Asia, Amerika, Eropah dan Timur Tengah. Pada 1 Ogos 2017, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dengan kerjasama Kedutaan-kedutaan negara Amerika Latin di Malaysia telah menganjurkan program Hari Perniagaan Amerika Latin atau "*Latin American Business Day*". Program ini telah berjaya menyediakan platform bagi komuniti perniagaan Malaysia dan Amerika Latin untuk menerokai peluang-peluang perniagaan.

Tuan Yang DiPertua,

Secara kesimpulannya, Kerajaan Malaysia tidak alpa dan sentiasa

bersedia menghadapi isu dan realiti ekonomi dunia. Tanggungjawab yang diamanahkan oleh rakyat akan terus diutamakan dalam melaksanakan setiap inisiatif dan mengenal pasti landasan strategik bagi memastikan kepentingan perdagangan dan ekonomi negara terus dipelihara dan dipertingkatkan.